

153 Pegawai Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Serdang : Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganugerahkan pingat cemerlang kepada 153 orang pegawai dan kakitangannya pada 18 Ogos 1998. Sebanyak 30% dari bilangan stafnya telah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang dalam tempuh 7 tahun.

Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim berjanji mereka yang cemerlang tetapi tidak dapat penghargaan akan diberi sesuatu hadiah yang bukan berbentuk wang.

Dalam ucapannya beliau telah mengatakan bahawa "Kita telah dapat meningkatkan produktiviti walau pun di zaman kegawatan", sambil memuji semua ahli fakulti.

Prof. Tan Sri percaya UPM akan muncul sebagai Universiti yang efisien. Beliau mengingatkan kepada semua



Naib Canselor dan timbalannya turut gembira atas kejayaan pegawai cemerlang UPM 1997

penerima pingat bahawa mereka adalah 'role model' dan seharusnya tidak mencemarkan diri. Katanya lagi, mereka harus menjadi inspirasi kepada yang lain.

Prof. Tan Sri telah memberi 4 ciri kecemerlangan yang harus ada pada pegawai dan kakitangan UPM

- Dapat menghayati konsep

belajar sepanjang hayat

- Berkemampuan berkomunikasi dengan sebaiknya
- Interpersonal Skill - sentiasa peka terhadap halatuju Universiti terhadap Pendemo-krasian
- Mempunyai pengetahuan IT yang banyak